

# UMS serah Projek Bantuan Rumah Komuniti

UB 19.7.2018 B3

SANDAKAN : Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah(UMS) mengadakan Program Majlis Penyerahan Projek Bantuan Rumah Komuniti UMS pada 13 Julai 2018 bertempat di Kampung Rancangan Sg. Manila, Peringkat 3, Sandakan, Sabah.

Projek ini adalah kesinambungan daripada perancangan projek bantuan rumah komuniti yang dilaksanakan di Kota Belud, Tawau, Sipitang dan yang terakhir ini di Sandakan.

Setiap rumah ini bersaiz 600 kaki persegi, dilengkapi dengan tiga bilik tidur, satu bilik air, satu ruang tamu dan satu ruang dapur.



NURLAILA menyerahkan sijil kepada penerima.

Anggaran kos pembinaan rumah komuniti ini adalah sebanyak RM 25,000.00 dan disiapkan dalam tempoh kurang sebulan.

Saudara Samsul Bin Jama adalah penerima unit rumah komuniti di Sandakan ini.

Gimik dan majlis penyerahan kunci rumah berkenaan disampaikan oleh Datin Hajah Nurlaila Binti Said, Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah, merangkap Ahli Lembaga Pengarah UMS.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Dr Ismail Ali UMS, Ketua Kampung Rancangan Sungai Manila, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmad Nurdin Pegawai dan kakitangan UMS dan penduduk Kampung Rancangan Sungai Manila, Sandakan.



NURLAILA menandatangani piagam Rumah Komuniti UMS.



SEORANG lagi penerima menerima sijil penghargaan daripada Nurlaila.



NURLAILA menyerahkan kunci kepada penerima program Rumah Komuniti UMS.